

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG (KANOWIT)

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019

SOALAN

DATUK AARON ARO DAGANG (KANOWIT) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penerima bantuan Kerajaan untuk rakyat miskin di bawah skim eKasih, orang tua, OKU dan jumlah peruntukan untuk tujuan tersebut mengikut negeri.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan golongan miskin sama ada Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui proses verifikasi di lapangan. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan perkapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 ataupun *Household Income Survey 2016*. Terdapat tiga kategori status kemiskinan dalam sistem eKasih iaitu Miskin Tegar, Miskin dan Terkeluar.

SOALAN NO : 31

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga 30 September 2019 sebanyak 2,404,833 bilangan bantuan dengan jumlah sebanyak RM3.5 bilion telah disalurkan kepada isi rumah eKasih berstatus Miskin Tegar dan Miskin di seluruh negara untuk program dan bantuan kesejahteraan rakyat.

Bilangan bantuan dan nilai bantuan bagi Miskin Tegar dan Miskin sehingga 30 September 2019 mengikut negeri adalah seperti di Jadual 1 manakala bilangan bantuan OKU dan Bantuan Orang Tua (BOT) di dalam Sistem eKasih sehingga 30 September 2019 adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 1: Bilangan dan Nilai Bantuan Miskin Tegar dan Miskin Sehingga 30 September 2019

Negeri	Bilangan Bantuan	Nilai Bantuan (RM)
Johor	55,294	92,910,809
Kedah	41,953	59,023,212
Kelantan	454,727	519,081,510
Melaka	13,074	20,009,235
Negeri Sembilan	35,277	52,282,143
Pahang	76,160	112,659,216
Perak	46,977	61,819,468
Perlis	31,904	49,481,531
Pulau Pinang	90,462	112,230,444
Sabah	551,992	894,034,331
Sarawak	704,291	1,072,306,737
Selangor	125,622	160,607,449
Terengganu	122,343	167,421,711
WP Kuala Lumpur	43,826	60,510,311
WP Labuan	10,913	19,494,409
WP Putrajaya	18	19,100
Jumlah	2,404,833	3,453,891,616

SOALAN NO : 31

Jadual 2 : *Bilangan Bantuan OKU dan Bantuan Orang Tua (BOT) Dalam Sistem eKasih Sehingga 30 September 2019*

Negeri	Bantuan OKU		BOT		Jumlah Keseluruhan	
	Bilangan Bantuan	Nilai Bantuan (RM)	Bilangan Bantuan	Nilai Bantuan (RM)	Bilangan Bantuan	Nilai Bantuan (RM)
Johor	376	954,440	571	1,900,870	947	2,855,310
Kedah	352	945,240	369	1,117,148	721	2,062,388
Kelantan	1,718	4,123,010	1,817	5,700,266	3,535	9,823,276
Melaka	98	261,260	163	582,960	261	844,220
Negeri Sembilan	220	565,980	416	1,402,620	636	1,968,600
Pahang	425	1,119,950	842	2,767,990	1,267	3,887,940
Perak	286	701,400	234	801,240	520	1,502,640
Perlis	198	479,945	126	380,730	324	860,675
Pulau Pinang	537	1,567,810	1,044	3,641,210	1,581	5,209,020
Sabah	951	2,626,231	3,804	12,728,626	4,755	15,354,857
Sarawak	1,661	2,999,145	6,037	20,332,373	7,698	23,331,518
Selangor	1,091	2,473,750	970	3,200,310	2,061	5,674,060
Terengganu	366	986,330	472	1,485,670	838	2,472,000
WP Kuala Lumpur	304	832,340	260	849,520	564	1,681,860
WP Labuan	32	75,900	79	261,000	111	336,900
WP Putrajaya	3	11,400	-	-	3	11,400
Jumlah	8,618	20,724,131	17,204	57,152,533	25,822	77,876,664